

12 FEB 2003

Mahathir-Perlis

KERAJAAN PUSAT BELUM BUAT KEPUTUSAN MENGENAI RANCANGAN PERLIS

JITRA, 12 Feb (Bernama) -- Kerajaan Pusat belum membuat keputusan mengenai rancangan Kerajaan Perlis hendak melanjutkan waktu persekolahan di semua sekolah di negeri itu mulai 1 Mac dengan kelas tuisyen, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata Kerajaan Pusat perlu mengetahui secara terperinci rancangan itu terlebih dahulu.

"Kita ada sistem sekolah kebangsaan dan sistem itu terletak di bawah kuasa Kerajaan Pusat. Bagaimanapun, kita tidak boleh halang mana-mana pihak yang hendak mengadakan kelas tambahan bagi mengajar pelajar subjek-subjek lain termasuk Bahasa Arab," katanya.

Ketika ditanya di Rumah Terbuka Hari Raya Aidiladha di Dewan Wawasan di sini adakah ia bermaksud Perlis boleh meneruskan rancangan kelas tambahannya itu, Dr Mahathir berkata beliau tidak mengetahui secara terperinci rancangan itu.

Kerajaan Perlis merancang untuk meneruskan waktu persekolahan dengan kelas tambahan Bahasa Arab, Pendidikan Moral, Fardhu Ain dan Bahasa Inggeris pada sesi petang selepas para pelajar melalui sukatan pendidikan kebangsaan di sesi pagi.

Mengulas kenyataan Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim bahawa rancangan itu bukanlah ideanya tetapi idea Dr Mahathir yang mahukan subjek-subjek Sekolah Agama Rakyat diajar pada sesi petang sekolah kerajaan, Dr Mahathir berkata:

"Kita belum buat keputusan lagi kerana ianya masih dalam perbincangan. Kita sedang mengkaji sama ada sistem sekolah agama yang diperkenalkan di Johor boleh diperluaskan ke seluruh negara".

Johor mempunyai sistem sekolah agama yang menggunakan bangunan sekolah dan pentadbiran yang berasingan daripada sekolah kebangsaan. Sekolah agama itu diadakan pada sesi petang bagi pelajar yang mengikuti sekolah kebangsaan pada sesi pagi dan sebaliknya.

Dr Mahathir juga mengulangi kenyataannya bahawa negara memerlukan rakyatnya yang mahir dalam pelbagai bidang.

Lagipun, ia merupakan fardhu kifayah bagi masyarakat Islam mahir dalam pelbagai bidang untuk menggunakan kemahiran itu bagi membangun dan mempertahankan negara, katanya.

Ribuan orang menghadiri majlis Rumah Terbuka Dr Mahathir yang juga merupakan Anggota Parlimen Kubang Pasu.

Turut hadir ialah Gabenor Satun Vichit Vichaisarn, Gabenor Songkhla Amnuay Ronggern dan Gabenor Yala Panuk Utairan, kesemuanya dari selatan Thailand.

-- BERNAMA

JM PR